

Tangani isu dalaman untuk bersihkan nama jabatan



Soalan (S): Bagaimana mengatasi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan pegawai serta langkah untuk perbaiki integriti dalam JKDM?

Jawapan (J): Beberapa langkah diambil bagi memben-
dunq isu ini dan memastikan tatakelola yang baik, kompetensi, akauntabiliti, ketelusan dalam kalangan pegawai. Ia termasuk melalui peranan Cawangan Integriti (CI) yang ditubuhkan pada 24 September 2014. Dari segi pentadbiran, cawangan ini melapor terus kepada Ketua Pengarah Kastam dan bertindak sebagai 'focal point' di JKDM dalam pengurusan integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah. Ia diketuai pegawai kader daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengelak sebarang konflik kepentingan bagi setiap kes membabitkan pegawai Kastam yang disiasat.

S: Apa tanggungjawab CI dan adakah penubuhannya memberi impak positif?

J: Ia berjaya memperkasakan tahap integriti warga kerja. Tahun lalu hingga kini, sebanyak 56 program integriti dilaksanakan CI dengan 14,359 penyertaan penjawat pelbagai gred. Dengan usaha ini, diharap dapat memperkasakan lagi integriti kakitangan. Contohnya, tahun lalu sahaja, CI menjalankan pelbagai aktiviti naziran, termasuk Naziran Pengurusan Kewangan dan Pengurusan

Perolehan ke atas lapan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan semua pengurusan kewangan dan perolehan dilaksanakan mengikut tatakelola ditetapkan.

Selain itu, pemeriksaan mengejut atau 'mystery shopping' bagi 14 lokasi di negeri atau stesen turut dilaksanakan bagi memantau disiplin warga JKDM. Kita juga komited banteras penyalahgunaan dadah dalam kalangan pegawai dengan buat ujian saringan air kencing bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ke atas 1,108 pegawai. Ini bermakna, CI sentiasa berusaha memantapkan organisasi dengan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai melanggar tata kelakuan penjawat awam. Untuk rekod, 56 tindakan tatatertib diambil terhadap warga JKDM tahun lalu.

S: Tidakah peranan Cawangan Siasatan Khas (CSK) bertindak dengan fungsi CI?

J: Matlamat utama CSK meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dalam menangani isu kritikal seperti rasuah dan salah guna kuasa pegawai. Kolaborasi CSK dan CI memaikan peranan penting perku-
kuh siasatan dengan sediakan sokongan lebih sistematik, telus dan berintegriti.

Usaha ini memastikan tindakan tegas dapat diambil terhadap sebarang pelanggaran, sekali gus meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap JKDM.

CSK bertindak menerusi kuasa yang ada mengikut Akta Kastam 1967, khususnya Seksyen 137, iaitu penalti kerana menawarkan atau menerima rasuah. Ia juga berperanan menjalankan penyiasatan mengikut Akta Kastam 1967. Dengan tindakan proaktif dan kolaborasi CSK dan CI, kita dapat memastikan pencegahan awal secara dalaman dan penguatkuasaan lebih efektif terhadap masalah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan pegawai.

Selain itu, JKDM melalui ketua jabatan melakukan pemeriksaan mengejut, seiring perintah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang menetapkan semua ketua jabatan melaksanakan pemeriksaan mengejut bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa berada pada tahap optimum serta mengelak amalan kerja negatif.

S: Langkah intensif lain diambil bagi mengatasi masalah dalaman kakitangan?

J: Sejak September 2023 hingga 31 Disember lalu, saya melaksanakan 63 pemeriksaan mengejut atau turun padang di pejabat JKDM seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak dan ia memberi impak positif kepada organisasi. Pemeriksaan mengejut atau turun padang dilaksanakan secara rasmi atau tidak rasmi. Jika secara tidak rasmi, tanpa pengetahuan pegawai di lapangan

bagi tujuan penyamaran dan untuk melihat sendiri operasi atau pemasalahan sebenar di stesen berkenaan.

Penolong ketua pengarah zon dan pengarah negeri menyambut baik usaha pemeriksaan mengejut atau turun padang berkala di peringkat negeri bagi membina jabatan ke arah 'Cekap, Tangkas dan Beringtegriti' (CTI). Kita juga buat pusingan atau penempatan pegawai bagi memastikan budaya kerja berintegriti, terutama pegawai berjawatan sensitif. Bagi pegawai dalam siasatan SPRM pula, mereka ditukarkan ke lokasi penempatan berisiko rendah.

S: Berapakah jumlah pegawai yang sudah ditukarkan dan apakah proses ini memberi perubahan motivasi kepada warga JKDM?

J: Sepanjang tahun lalu, jabatan buat pusingan kerja bagi 840 pegawai membabitkan 397 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional iaitu 282 pegawai jawatan sensitif serta 115 pegawai jawatan bukan sensitif. Selain itu, 443 pegawai daripada kumpulan pelaksana dibuat pusingan kerja membabitkan 409 jawatan sensitif dan 34 pegawai jawatan bukan sensitif. Jabatan turut melaksanakan

latihan dan pembangunan kompetensi terhadap warga kerja iaitu memberi tumpuan terhadap pembangunan kompetensi warga kami dalam memastikan kesinambungan kepakaran dan kemahiran membabitkan pengoperasian JKDM pada tahap optimum.

Maka, JKDM merangka dan menyemak semula modul kursus asas kastam untuk warga yang baru dilantik dari gred WK19, WK29 dan WK41 dengan melanjutkan tempoh Kursus Asas daripada tiga kepada enam bulan. Ia bertujuan memberi asas pengetahuan dan kemahiran berkaitan bidang pengurusan, kepimpinan dan fungsi kastam serta pelaksanaan latihan secara holistik mengambil kira aspek fizikal, mental dan spiritual.

Selain itu, ia juga akan memberi pendedahan dan pengalaman bekerja di lapangan bagi meningkatkan kefahaman dan ketersediaan pegawai dalam melaksanakan tugas serta mempersiapkan pegawai kastam melaksanakan tugas bagi mencapai misi dan visi jabatan. Kita juga perkenalkan empat modul baharu, iaitu komponen pengukuhan diri dan integriti, komponen akademik, latihan di tempat kerja dan pentadbiran serta penilaian.

COVID-19 hanya beri kesan kecil kutipan hasil JKDM

Dari Muka 12

Bagi duti eksais pula, untuk barangan tertentu seperti alkohol, rokok dan kenderaan bermotor. Pelepasan Barangan dibenar selepas duti dan cukai dibayar dan prosedur pelepasan selesai. Kami juga berkolaborasi dengan agensi pengawal atur OGA seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), SIRIM Berhad, Suruhanjaya Tenaga (ST), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

(CIDB) dalam bentuk operasi khas bersama, pertukaran maklumat dan latihan bagi meningkatkan pembangunan kapasiti terutama pengetahuan pegawai berkaitan produk dikawal agensi itu.

S: Bagaimana tangani kes barangan import tidak mematuhi piawaian keselamatan seperti makanan atau kosmetik mengandungi bahan berbahaya?

J: Barangan dibawa masuk atau diimport ke Malaysia memerlukan permit import seperti dinyatakan pada

Perintah Kastam Larangan Mengenai Import 2017. Bahagian penguatkuasaan di Kementerian Kesihatan (KKM) dan MAQIS bertanggungjawab ke atas barangan seperti makanan atau kosmetik. Bagi memastikan barangan itu mematuhi piawaian keselamatan, agensi terbabit akan dirujuk terlebih dahulu sebelum tindakan seterusnya diambil. Jika tidak mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti, kami akan ambil tindakan seperti menahan barangan itu, dikenakan denda atau hukuman

kepada pengimport atau memerintahkan pemusnahan barangan yang tidak selamat.

S: Apa kesan COVID-19 terhadap aktiviti kastam, adakah hasil cukai negara terjejas?

J: Ia hanya beri kesan kecil kepada kutipan hasil JKDM kerana masih terdapat industri yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pandemik, contohnya industri perkhidmatan yang dibenarkan beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terutama industri

makanan dan minuman serta keperluan asas. Selain itu, pintu masuk negara masih beroperasi seperti biasa dan pegawai tetap bertugas sepanjang PKP dengan bilangan petugas minimum.

Selain duti import, cukai jualan import dan duti eksais import yang dikenakan semasa pengimportan barangan, kami agensi dipertanggungjawabkan untuk memungut hasil daripada cukai jualan tempatan, cukai perkhidmatan, levi keuntungan luar biasa dan duti eksais tempatan.